

**PENILAIAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)  
MELALUI GAGASAN LATIHAN FIZIKAL**

**YAHYA BIN DON  
ABDULL SUKOR SHAARI, PhD  
MOHD NAEM AJIS**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2005**

## **PENAKUAN TANGGUNGJAWAB (DISCLAIMER)**

Kami, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Kami bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

*We are responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. We bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.*

**YAHYA BIN DON**  
**Ketua Projek**

---

Tandatangan

**DR. ABDULL SUKOR SHAARI**  
**Ahli**

---

Tandatangan

**MOHD NAEM AJIS**  
**Ahli**

---

Tandatangan

## ABSTRAK

Program Latihan Khidmat Negara dilancarkan buat pertama kali pada 16 Februari 2004. Program ini dianggap sebagai satu agenda nasional, setelah diluluskan oleh Parlimen, melalui Akta Latihan Khidmat Negara 2003 atau disebut sebagai Akta 628. Mukadimah Akta 628 ini menyebut, “Suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan kehadiran orang bagi Latihan Khidmat Negara di Malaysia berdasarkan falsafah Rukun Negara, untuk menubuhkan Majlis Latihan Khidmat Negara bagi maksud latihan Khidmat Negara dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya”. Bagi memahami tahap penghayatan peserta Program Latihan Khidmat Negara mengenai gagasan-gagasan latihan yang dijalani, maka tiga pasukan kajian dibentuk. Kumpulan-kumpulan kajian memberi tujahan pada gagasan kenegaraan, gagasan psikologi dan gagasan latihan fizikal. Kajian ini adalah mengenai penilaian program latihan khidmat negara dari gagasan latihan fizikal. Gagasan latihan fizikal dipecahkan kepada empat elemen iaitu ketahanan mental, keyakinan diri, kepimpinan, dan *esprit decorps*. *Exercise dan Self-Confidence Model* (EXSEM) (Sontroem dan Morgan, 1989) digunakan untuk mengukur elemen-elemen tersebut. Jumlah responden untuk kajian ini pada peringkat awal program latihan berjumlah 2517 dan pada peringkat akhir 1909. Perbezaan min antara peringkat awal program latihan dan peringkat akhir program latihan telah diambil bagi mengetahui tahap keberkesanan gagasan fizikal dalam program latihan. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dalam min dalam elemen ketahanan mental, keyakinan diri, kepimpinan dan *esprit decorps*. Selain itu dapatan juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam min dalam gagasan fizikal antara jantina, lokasi peserta, kem-kem PLKN dan etnik peserta. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk meningkatkan keberkesanan gagasan latihan fizikal Program PLKN di Malaysia pada masa akan datang.

# KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI SIMBOL</b>	x
<b>BAB 1    PENDAHULUAN</b>	1
1.1    Pengenalan	1
1.2    Pemasalahan Kajian	5
1.3    Objektif Kajian	9
1.4    Soalan Kajian	10
1.5    Kepentingan Kajian	10
1.6    Limitasi Kajian	11
1.7    Pengoperasian Konsep	12
1.7.1    Latihan Fizikal	12
1.7.2    Ketahanan mental	13
1.7.3    Keyakinan Diri	13
1.7.4    Kepemimpinan	14
1.7.5    Espirit decorps	15
1.8    Rumusan Bab	16

<b>BAB II</b>	<b>PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA</b>	17
2.0	Pendahuluan	17
2.1	Latar Belakang Program Khidmat Negara (PLKN)	17
2.2	Mengapa Malaysia Memerlukan Khidmat Negara?	23
2.3	Keunikan Khidmat Negara Acuan Malaysia	27
2.4	Objektif Program Latihan Khidmat Negara	29
2.5	Gambaran Semasa Program Latihan Khidmat Negara	33
2.6	Rumusan Bab	36
<b>BAB 111</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
3.1	Kajian-kajian Mengenai Latihan Fizikal	37
3.1.1	Ketahanan Mental	37
3.1.2	Keyakinan Diri	40
3.1.3	Espirit decorps	42
3.1.4	Kepemimpinan	43
3.2	Rumusan Bab	46
<b>BAB 1V</b>	<b>METOD KAJIAN</b>	47
4.1	Reka Bentuk Kajian	47
4.2	Sampel Kajian	47
4.3	Instrumen dan Cara Permarkatan	48
4.3.1	Alat Ukuran Gagasan Latihan Fizikal	49
4.4	Kajian Rintis	50
4.4.1	Maklumat Deskriptif Instrumen	50
4.4.2	Kebolehpercayaan Instrumen	51

	4.4.3 Analisis Keesahan Instrumen	51
4.5	Pentadbiran Kajian	52
4.6	Analisis Data	52
4.7	Rumusan Bab	53
<b>BAB V</b>	<b>PROFAIL RESPONDEN</b>	55
5.1	Maklumat Diskriptif Responden Kajian	55
5.2	Rumusan Bab	73
<b>BAB VI</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	74
6.1	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Awal dan Akhir Program	74
6.2	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Mengikut Jantina	77
6.3	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal mengikut Etnik	81
6.4	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Berdasarkan Lokasi Tempat Tinggal	87
6.5	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Mengikut Kem Latihan PLKN	91
6.6	Rumusan Bab	97
<b>BAB VII</b>	<b>RUMUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	98
7.1	Rumusan	98
7.2	Cadangan	101
6.3	Kesimpulan	105
	<b>RUJUKKAN</b>	106
	<b>SOAL SELIDIK</b>	110
	<b>LAMPIRAN</b>	

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
		51
Jadual 4.1	Item-item Subskala Gagasan Latihan Fizikal (EXSEM)	51
Jadual 4.2	Maklumat Deskriptif Instrumen	52
Jadual 4.3	Korelasi Antara Subskala Gagasan Latihan Fizikal	52
Jadual 5.1	Etnik, Jantina dan Agama Responden	56
Jadual 5.2	Pendidikan Sekolah Rendah	57
Jadual 5.3	Pendidikan Sekolah Menengah	58
Jadual 5.4	Pencapaian Mata pelajaran Sejarah di Peringkat SPM	59
Jadual 5.5	Pencapaian Mata pelajaran Moral dan Pendidikan Islam di Peringkat SPM	60
Jadual 5.6	Pencapaian Akademik Tertinggi Yang Ingin Dicapai Oleh Responden	61
Jadual 5.7	Pilihan Sektor Pekerjaan Responden	62
Jadual 5.8	Pilihan Kerjaya Responden	63
Jadual 5.9	Sumber maklumat Responden	64
Jadual 5.10	Pilihan Tokoh / Pujaan Utama	64
Jadual 5.11	Minat Pada Masa Lapang	65
Jadual 5.12	Topik Perbualan Bersama Rakan	66
Jadual 5.13	Tahap Pendidikan Tertinggi Keluarga	67
Jadual 5.14	Pekerjaan Bapa dan Ibu Responden	68
Jadual 5.15	Tempat Tinggal Responden	69
Jadual 5.16	Tempat Tinggal dan Etnik Responden	69

Jadual 5.17	Jenis Rumah Responden	70
Jadual 5.18	Bahasa Pertuturan Pertama dan Kedua Responden	71
Jadual 5.19	Etnik Lain Yang Menjadi Sahabat Karib Responden	72
Jadual 6.1	Min dan Sisihan Piawai Aspek Latihan Fizikal Awal dan Akhir Program	76
Jadual 6.2.	Min dan Sisihan Piawai Awal Program: Aspek Latihan Fizikal Mengikut Jantina	79
Jadual 6.3	Min dan Sisihan Piawai Akhir Program: Aspek Latihan Fizikal Mengikut Jantina	80
Jadual 6.4	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Mengikut Etnik	85
Jadual 6.5	Perbandingan Aspek Latihan Fizikal Mengikut Lokasi Tempat Tinggal	89



## SENARAI RAJAH

<b>No.Rajah</b>		<b>Halaman</b>
Rajah 6.3	Aspek Latihan Fizikal Mengikut Jantina: Akhir Program	81
Rajah 6.4:	Min Aspek Latihan Fizikal Total Mengikut Etnik: Awal dan Akhir Program	82
Rajah 6.5	Min Ketahanan Mental Mengikut Etnik: Awal dan Akhir Program	82
Rajah 6.6	Min Kepemimpinan Mengikut Etnik: Awal dan Akhir Program	83
Rajah 6.7	Min Keyakinan Diri Mengikut Etnik: Awal dan Akhir Program	84
Rajah 6.8	Min Esprit Decorps Mengikut Etnik : Awal dan Akhir Program	85
Rajah 6.9:	Min Aspek Fizikal Mengikut Lokasi: Awal dan Akhir Program	86
Rajah 6.10	Min Dimensi Latihan Fizikal Mengikut Lokasi: Awal Program	87
Rajah 6.11	Min Dimensi Latihan Fizikal Mengikut Lokasi: Akhir Program	88
Rajah 6.12	Min Aspek Latihan Fizikal Total Berdasarkan Kem PLKN: Awal dan Akhir Program	90
Rajah 6.13	Min Dimensi Ketahanan Mental Mengikut Kem PLKN Awal dan Akhir Program	91
Rajah 6.14	Min Dimensi Kepemimpinan Mengikut Kem PLKN: Awal dan Akhir Program	92

## SENARAI SIMBOL

PLKN	:	Program Latihan Khidmat Negara
JKMKN	:	Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara
EXSEM	:	<i>Exercise and Self Confidence Model</i>
ROTU	:	<i>Reserve Officer Training Unit</i>
SPM	:	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	:	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UUM	:	Universiti Utara Malaysia
SMK	:	Sekolah Menengah Kebangsaan
IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ESSET KWSP:		Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang buat kali pertama dilaksanakan di seluruh Negara pada 16 Februari 2004. Bab ini bertujuan membincangkan pengenalan kepada program PLKN, permasalahan kajian, dan tujuan kajian bagi memenuhi keperluan kajian.

#### **1.1 Pengenalan**

Kejayaan di sekolah dan kerjaya memerlukan kemahiran yang lebih luas termasuk aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelektual sepertimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu keyakinan diri, motivasi, kemahiran kepemimpinan, perpaduan kaum, kerjasama yang erat antara remaja dan rakyat Malaysia merupakan suatu kombinasi yang perlu dibina dan diperteguhkan di kalangan remaja Malaysia. Sejarar dengan itu kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Latihan Khidmat Negara yang merupakan suatu alternatif dan usaha untuk membangun dan membentuk remaja Malaysia yang akan menjadi benteng pertahanan dan pemimpin negara pada masa depan. Melalui program ini kemahiran yang diperolehi akan memberi peluang dan kelebihan dalam pembinaan personaliti seseorang individu sepanjang hayatnya.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan program yang wajib diikuti oleh semua warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun atau setelah tamat

persekolahan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program ini melibatkan pelbagai kaum di Malaysia tanpa mengira jantina lelaki atau perempuan, dan pemilihan akan dilakukan secara rawak.

Antara objektif PLKN ialah untuk membina generasi muda yang bersemangat patriotik dan cinta negara, melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas serta penuh keyakinan diri, membentuk perwatakan positif di kalangan generasi muda menerusi penerapan nilai-nilai murni, mengeratkan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan menimbulkan keperihatinan dan kesukarelaan untuk berjasa kepada masyarakat.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menetapkan kurikulum PLKN berdasarkan empat komponen iaitu latihan fizikal, kenegaraan, pembinaan karektor dan khidmat komuniti. JKMKKN telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Kurikulum Khidmat Negara (JKKKKN) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Biro Tatanegara untuk menyediakan kurikulum berkenaan. Empat buah modul telah dibangunkan iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karektor, Modul Khidmat Komuniti.

Modul Latihan Fizikal dijalankan di Kem. Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karektor dijalankan di IPTA manakala Modul Khidmat Komuniti akan dijalankan di sekitar IPTA. Modul Fizikal mengandungi aktiviti asas kawad, tempur tanpa senjata, tali tinggi seperti *abseiling/ Flying Fox* dan tali rendah/ *repelling*, aktiviti air seperti berakit /berkenu, sukan kreativiti, ikhtiar hidup dan pertolongan cemas.

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diperkenalkan oleh kerajaan hasil resolusi Kongres Patriotisme Negara pada 26 Oktober 2002. PLKN adalah keperluan Malaysia dari masa sekarang sehinggalah hari-hari mendatang. Namun begitu, PLKN bukanlah latihan ketenteraan sepertimana yang dilakukan di Singapura, ia lebih menitikberatkan ketahanan diri, kerjasama kumpulan, pembangunan diri, kesedaran atau keinsafan kenegaraan, dan kepekaan sosial dan kesukarelaan. Bagi generasi muda yang telah menjalani PLKN, diharap dapat menjadi rakyat Malaysia yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini. Pembentukan rakyat yang diharapkan akan dicapai oleh PLKN adalah selaras dengan falsafah Rukun Negara yang diperkenalkan pada tahun 1970 dan diperkemaskan lagi oleh Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada tahun 1991. Kedua-dua garis panduan dasar negara (Rukun Negara dan Wawasan 2020) adalah falsafah yang mendasari pembangunan negara. Memandangkan negara Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, agama, dan budaya, adalah amat perlu dibina satu ikatan kesatuan, iaitu kecintaan pada ibu-pertiwi terhadap kaum remaja yang akan mewarisi kepemimpinan negara pada masa depan.

Jika diselidiki dari sudut sosiologi dan politik, PLKN diperlukan oleh Malaysia kerana tiga faktor utama iaitu; pertama, perubahan pemikiran mengenai gagasan negara-etnik dan konsep kenegaraan. Akibat dari ledakan globalisasi, generasi muda tidak begitu berminat dengan isu-isu kenegaraan. Merosotnya minat terhadap isu-isu kenegaraan adalah kerana keadaan negara yang stabil, mudahnya pergerakan dari sebuah negara ke

negara yang lain dan peluang kehidupan yang seolah-olah terbuka luas untuk diterokai. Berbanding dengan generasi terdahulu, yang terpaksa berjuang menentang penjajahan, demi untuk mendapat kedaulatan sebagai sebuah negara merdeka. Oleh itu, usaha untuk membina jati diri dan memupuk semangat nasionalisme terhadap generasi remaja Malaysia perlu dilaksanakan.

Kedua, modenisasi yang dibawa oleh kepesatan pembangunan negara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, telah menjadikan generasi muda sebagai golongan yang lebih selesa dengan sikap pemusatan-kendiri (*self-centered*). Akibat modenisasi, generasi muda lebih selesa untuk mengidamkan kepuasan kehidupan sebagai individu manusia, dari melakukan pengorbanan untuk masyarakat dan negara. Generasi muda berpegang teguh pada sikap materialistik dan konsumeristik kerana memperolehi kedua-duanya akan dapat memenuhi kehendak rasa mereka. Lagipun perkara yang mereka idamkan itu nampak, boleh dipegang, dan boleh dinikmati. Berbeza dengan ideologi kenegaraan yang merupakan satu utopia dan sukar dirasai nikmatnya, kecuali bagi mereka yang benar-benar terpenggil untuk mempertahankannya.

Ketiga, meluasnya pembangunan urbanisasi di Malaysia. Kesan daripada perancangan urbanisasi ini adalah hilangnya semangat berk komuniti dan timbul pula semangat individualistik di kalangan rakyat Malaysia amnya dan generasi muda khususnya. Urbanisasi adalah keperluan dan urbanisasi juga adalah pencetus pembangunan dan peningkatan kualiti kehidupan manusia. Namun begitu, sebagai sebuah negara yang mahu membina rakyat dan negaranya mengikut acuan sendiri, kerajaan merasakan PLKN

adalah satu keperluan untuk dijadikan sebagai wahana perpaduan inter dan intra kaum. Melalui PLKN kehidupan individualistik yang menjadi ciri urbanisasi dapat dialihkan kepada semangat berk komuniti, kerana generasi muda yang mengikuti PLKN sudah digilap keperihatinan untuk hidup bersama dan mencurahkan bakti pada masyarakat setempat melalui semangat kesukarelaan.

PLKN yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia, adalah berbeza dengan *national service* yang terdapat di negara-negara lain. PLKN yang dirangka dan dibahaskan oleh pelbagai perorangan dan organisasi sebelum diperkenalkan telah melahirkan PLKN yang benar-benar berpusat kepada keperluan Malaysia. Keunikan PLKN ala-Malaysia adalah berasaskan kepada ciri-ciri seperti melibatkan semua kaum sama ada lelaki atau perempuan, berteraskan Rukun Negara, mempunyai kurikulum multi-disiplin, bukan berbentuk kerahan tenaga atau *military conscripts* dan mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo dan lagu.

## **1.2 Pemasalahan Kajian**

Saban hari pelbagai jenayah, salah laku, sikap yang bertentangan dengan soal moral dan tindakan-tindakan yang membelakangkan soal nilai, etika, norma, undang-undang, peraturan dan agama dilakukan di kalangan remaja termasuk pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Berita-berita yang terpampang di media massa mengenai remaja (atau pelajar dan lepasan sekolah) melakukan pelbagai keganasan dan jenayah amat menggerunkan hati dan perasaan semua (Shamsuddin A. Rahim dan Iran Herman, 1993 ; Utusan

Malaysia, 1998 ; Harian Metro, 26 April 2000). Justeru, kebimbangan terhadap perkembangan dan perubahan sikap negatif di kalangan remaja terutamanya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kian hilang arah tuju dengan terbabit dan melakukan perkara-perkara tidak bermoral terus meningkat. Tidak kurang yang menyalahkan peranan ibu bapa, institusi-institusi pendidikan dan para pemimpin. Kesannya, timbullah idea untuk mewajibkan pelajar lepasan SPM untuk mengikuti program latihan khidmat negara (PLKN).

Kesedaran ini timbul kerana kebimbangan terhadap generasi pelapis negara kian terumbang ambing tanpa matlamat dan arah tuju yang jelas. Ini dapat dilihat dari pelbagai sudut. Golongan ini lebih mengutamakan rakan atau ahli kumpulan masing-masing (Azizan Bahari, 2003). Penglibatan dengan gejala-gejala sosial seperti Black Metal, Punk, lepak, berpelesaran, lumba haram dan sebagainya yang akan merosak masa depan mereka sendiri (Arena Che Kasim dan Hadiyah Ahmad, 2002; Rafidah Md. Khamin, 2003). Kenapa ini semua berlaku dalam masyarakat kita yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dan soal agama? Siapakah yang akan bertanggungjawab dalam menangani dan mencari jalan penyelesaian isu dan masalah ini?

Rafidah Md Khamin (2003) mendapati bahawa remaja bertingkahtaku demikian disebabkan oleh kawalan ibubapa, mereka hidup bebas dan kurang didedahkan dengan sebarang nilai positif sama ada di sekolah atau di rumah. Ibumama tidak lagi berperanan sebagai pengawal sosial dan pembentuk peribadi anak, kesibukan keluarga dan kurang kasih sayang. Sehubungan dengan itu, kajian Kementerian Pendidikan (1992 dalam



Rafidah Md Khamin, 2003) mendapati remaja yang melanggar disiplin sekolah adalah kerana faktor sekolah dan sistem pendidikan yang tidak memberangsangkan dan matapelajaran dikatakan membebankan dan terlalu padat. Keadaan ini jika tidak diberi perhatian serius selepas keluar dari sekolah boleh memberi implikasi yang buruk kepada masyarakat dan negara pada masa depan.

Kesannya berlakulah ‘pemberontakan senyap’ iaitu tindakan keluar dari kawasan sekolah dan mengisi masa mereka dengan berjalan-jalan di kompleks membeli-belah, pasaraya dan terminal bas. Kegiatan seumpama itulah yang dikatakan ‘lepak’ dan sebahagian dari sebabnya adalah kerana kegagalan ibubapa dan keluarga mengawal tindakan anak-anak kerana anak-anak terpaksa menguruskan kehidupan sendiri disebabkan oleh ibubapa sibuk bekerja (Bishan Singh, 1993).

Jika perkembangan tidak sihat ini gagal disekat dan dibendung secara sistematik dan bersepadu, sudah tentu akan memberikan implikasi yang amat besar kepada negara, masyarakat dan agama. Hari ini sebahagian besar di kalangan remaja kita (hampir ke semua kaum) seolah-olah sudah hilang identiti sebagai masyarakat Timur amnya dan Malaysia khasnya dengan penerimaan pelbagai pengaruh dan nilai-nilai luar yang amat negatif sifatnya. Mereka juga seolah-olah tiada “*role model*” yang ideal untuk membentuk dan mempengaruhi mereka ke arah perkembangan dan perubahan yang lebih sihat sebagai generasi pelapis kepimpinan negara pada masa akan datang.

Selain itu, mereka lebih menyanjung nilai dan budaya Barat yang terlalu berbeza dengan nilai-nilai masyarakat kita. Penglibatan dalam gejala yang tidak sihat seolah-olah suatu kepuasan dan kebanggaan di kalangan mereka. Nilai-nilai dan norma-norma kemasyarakatan seperti bekerjasama dan menghulurkan bantuan serta menjalinkan perpaduan kian terhakis. Malah, sikap tidak sayangkan dan bertanggungjawab terhadap harta benda awam dan negara juga bukan lagi suatu yang aneh (Ibrahim Saad, 1980). Persoalannya, di manakah hilangnya semangat cintakan negara di kalangan remaja hari ini?

Arus perkembangan dan perubahan sosio-ekonomi negara turut mempengaruhi perubahan paradigma dan sikap sebahagian besar masyarakat kita termasuk di kalangan remaja. Peningkatan taraf hidup dan impian mengejar kemewahan, keseronokan, dan budaya kebendaan mempengaruhi nilai dan sikap (termasuk remaja) terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara. Hari ini kita dapat melihat secara dekat betapa rendahnya nilai keprihatinan dan semangat kesukarelaan di kalangan rakyat dan remaja kita. Mereka akan melakukan sesuatu tugas demi kepentingan diri sendiri, bersikap individual, materialistik dan membelakangi sifat kerjasama dan pengorbanan untuk bangsa dan negara (Abd. Rahman Abd. Aziz, 1997).

Globalisasi adalah keadaan dunia seolah-olah tanpa sempadan, tidak kurang hebatnya dalam memberikan kesan ke atas pembentukan sendiri remaja hari ini. Mereka cepat menerima perubahan dan seringkali terdedah kepada perkembangan luar kesan daripada

ledakan teknologi maklumat. Budaya luar yang tidak sesuai diadaptasi dalam konteks masyarakat kita kian menjadi pujaan (Ohmae, 1990).

Menyedari hakikat tersebut, kerajaan berusaha sedaya upaya mencari formula dalam membentuk sahsiah dan hala tuju remaja ke arah yang lebih dinamik, bermatlamat dan berkebolehan dalam semua aspek kehidupan. Kerajaan juga mula bertindak untuk merencanakan langkah yang sesuai bagi membina generasi muda yang bersemangat patriotik dan cintakan negara. Di samping bermatlamatkan untuk melahirkan generasi yang cergas, cerdas, berkeyakinan diri dan memiliki perwatakan positif, penerapan nilai-nilai murni juga menjadi asas penting bagi memupuk semangat perpaduan, keprihatinan dan kesukarelaan di kalangan remaja untuk berjasa kepada masyarakat dan negara.

Beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti sebagai asas kepada kajian ini. Persoalan yang memfokuskan kepada komponen Latihan Fizikal menjadi teras utama kajian ini seperti persoalan ketahanan mental dan kepemimpinan di kalangan remaja masa kini, tahap kerjasama atau esprit decorps di kalangan remaja berbilang etnik, sifat keyakinan diri dalam jiwa untuk membangun dan berjuang mempertahankan maruah negara.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan PLKN yang dijalankan di seluruh negara mulai 16 Februari 2004 ini berasaskan empat komponen kurikulum yang telah diputuskan oleh JKMK. Walau bagaimanapun, tumpuan utama kajian ini ialah kepada aspek Latihan Fizikal.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

1. Mengenalpasti tahap ketahanan mental peserta PKLN pada awal dan akhir program PLKN.
2. Mengenalpasti *spirit* dalam latihan fizikal ke arah pembinaan esprit decorns peserta PLKN pada awal dan akhir program PLKN
3. Mengenalpasti tahap kemahiran kepimpinan di kalangan peserta PKLN pada awal dan akhir program PLKN
4. Menguji tahap keyakinan diri melalui latihan fizikal peserta PKLN pada awal dan akhir program PLKN

#### **1.4 Soalan Kajian**

1. Ditahap manakah kecerdasan aspek fizikal remaja Malaysia?
2. Adakah remaja Malaysia mempunyai ketahanan mental yang diperlukan untuk membangun negara Malaysia pada masa depan?
3. Di tahap manakah motivasi diri dan keyakinan diri (*self-reliance*) remaja Malaysia?
4. Apakah remaja Malaysia mempunyai kemahiran kepimpinan dan pengurusan?
5. Adakah remaja Malaysia mempunyai semangat perpaduan, dan bekerjasama?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Perlaksanaan program PLKN buat pertama kalinya di Malaysia, memerlukan penelitian dan penilaian terhadap keberkesanan program dalam mencapai objektifnya. Sehubungan itu, setiap satu program awalan atau program-program yang seumpamanya perlu dinilai

untuk mengetahui keberkesannya serta kejayaan program berkenaan. Penilaian seumpamanya boleh memaklumkan tentang kekuatan dan kelemahan program (melalui analisis SWOT), serta mengintergrasikan pandangan daripada pelatih-pelatih sejajar dengan matlamat program yang dirancang.

Input yang diperolehi dari latihan fizikal yang berkesan ke arah peningkatan kualiti peribadi remaja dari aspek kepimpinan, kerjasama, motivasi dan ketahanan mental dan fizikal dapat menambahbaikkan program-program yang akan datang. Melalui hasil kajian ini dapat membantu pihak pelaksana (kerajaan) untuk meningkat dan memantapkan lagi aspek-aspek latihan fizikal yang membentuk kerjasama dan perpaduan kaum di Malaysia. Hal ini menunjukkan maklum balas berhubung dengan kesesuaian latihan fizikal terhadap pembentukan remaja sejajar dengan jangkaan dan perkembangan mereka amatlah penting.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Kajian ini mempunyai limitasi tertentu yang mempengaruhi dapatan dan interpretasi kajian. Pertama, responden kajian terdiri daripada pelatih-pelatih PLKN yang terpilih di lima buah Kem PLKN yang terpilih di negeri Kedah iaitu Kem PLKN Sintok, Kem PLKN Baling, Kem PLKN Rimba Taqwa, Sik, Kem PLKN Dusun Resort, Kuala Nerang dan Kem PLKN Langkawi. Kem atau pusat latihan yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang mempengaruhi hasil kajian menyebabkan generalisasi kepada pusat latihan agak terbatas.

Kajian ini juga tidak mengambilkira kesan dan pengaruh aspek-aspek demografi terhadap pembolehubah yang dikaji. Justifikasi kepada pemilihan untuk tidak memasukkan pembolehubah demografi adalah berdasarkan dapatan kajian lepas yang menunjukkan pengaruh aspek demografi yang terlalu kecil terhadap aspek latihan fizikal.

Ketiga, pembolehubah latihan fizikal yang dikaji ialah aspek ketahanan mental, keyakinan diri, kepemimpinan, dan *esprit decorps* . Sehubungan itu, kajian ini cuba memberi kefahaman dan penilaian yang lebih mendalam mengenai keberkesanan aspek-aspek latihan fizikal terhadap peserta PLKN berdasarkan definisi operasional dimensi yang dikaji sahaja.

## **1.7 Pengoperasian Konsep**

Pentakrifan dan pengoperasian konsep kepada pembolehubah kajian ini adalah seperti berikut :

### **1.7.1 Latihan Fizikal**

Latihan Fizikal dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam modul latihan fizikal PLKN dan ianya dilaksanakan pada peringkat pertama program di kem latihan PLKN selama sebulan. Latihan fizikal meliputi aktiviti berkawad, bersenam, jalan lasak, merempuh halangan, tali tinggi (*repealing*), *abseiling*, berkayak, *map reading* dan aktiviti survival. Aktiviti-aktiviti latihan fizikal ini memerlukan ketahanan dari aspek mental, keyakinan diri, sifat kepemimpinan dan pengurusan diri dan *esprit decorp* (Sontroem dan Morgan, 1989). Walaupun latihan fizikal tidak melatih peserta PLKN sebagai seorang tentera, tetapi modus operandinya dan pegawai-pegawai yang bertindak

sebagai jurulatih atau fasilitator terdiri dari pegawai dan bekas anggota tentera atau mereka yang pernah menerima asas latihan ketenteraan.

### **1.7.2 Ketahanan mental**

Ketahanan mental merujuk kepada keupayaan peserta PLKN menghadapi tekanan, keupayaan mengawal emosi diri dalam menghadapi situasi yang tidak selesa, berdisiplin dan dapat membuat keputusan dalam masa yang singkat untuk kebaikan diri dan organisasi. Pelatih yang mempunyai ketahanan mental akan sanggup dan berupaya melakukan proses latihan fizikal seperti *abseiling*, *repealing*, memanjat tembok, merempuh halangan, melaksanakan *mapreading* dengan cemerlang, dalam keadaan lasak dan pelbagai situasi cuaca (Sontroem dan Morgan, 1989). Pelatih akan mematuhi arahan jurutunjuk atau jurulatih untuk mencapai kejayaan dan objektif walaupun proses tersebut mencabar keegoan, berisiko dan mencabar kemampuan fizikal mereka (ISSP, 1992; McDonald dan Hodgdon, 1991).

### **1.7.3 Keyakinan Diri**

keyakinan diri merujuk kepada Individu yang lebih bermatlamat, proaktif, lebih selesa dalam pelbagai situasi, berani menyatakan sesuatu di hadapan rakan atau kumpulan, dan mempunyai ciri-ciri karismatik (Smith, 2000, Sugarman, 1998; Pronk, Crouse, dan Rohack, 1995). Pada masa yang sama keyakinan diri akan dapat meningkatkan motivasi, persepsi, dan personaliti individu (Sonstroem, 1998). Keyakinan diri akan membentuk perlakuan individu dan tidak hanya merupakan penyumbang kepada kejayaan atau kegagalan. Individu yang mempunyai keyakinan diri tidak hanya mempunyai ketahanan

mental tetapi juga mereka dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka (Santroem, 2002).

#### **1.7.4 Kepemimpinan**

Kepemimpinan merupakan kebolehan individu membentuk nilai-nilai organisasi atau kumpulan yang lebih berdisiplin, mempunyai visi dan misi dalam perjuangan. Biasanya mereka berkebolehan mengawal emosi, berdisiplin, role model, berkebolehan mengawal ahli kumpulan, berperaturan dan lebih berobjektif dalam penetapan matlamat organisasi atau kumpulan yang disertai (Fox, 2000; Gauvin, dan Spence, 1996; Alfermann, dan Stoll, 2000). Individu yang mempunyai ciri-ciri kepemimpinan mampu berkomunikasi, mengenengahkan ide-ide yang bernas, petah bercakap dan lebih berketrampilan. Mereka akan membuat keputusan dengan mempertimbangan kepentingan organisasi dan ahli-ahli kumpulan (Aine, dan Lester, 1995). Proses kepemimpinan diperhatikan ke atas peserta dalam kumpulan melalui proses ‘pemerhatian aktiviti fizikal yang lasak dan berpanjangan’ dan melibatkan sekurang-kurangnya dua orang dalam satu kumpulan (Sanstroem dan Potts, 1996 ; Sontroem dan Morgan, 2002). Dalam aktiviti fizikal ini salah seorang akan mampu membentuk peraturan manakala yang lain akan membantu dan memberi kerjasama bagi memastikan segala peraturan yang ditetapkan dipatuhi (Clark dan Clark, 1994).

Dalam latihan fizikal ala ketenteraan, kepemimpinan yang dibina sama seperti kepemimpinan yang dibentuk dalam pengurusan organisasi awam yang lain (Bullis, et al., 1999). Melalui latihan fizikal, peserta dilatih dan didorong membina kepercayaan pada



rakan, tanggungjawab bersama, rela berkorban untuk kemajuan organisasi atau kumpulan (Department of the Army, 1999). Mereka akan sanggup mengambil risiko untuk menyelamatkan organisasi (Department of the Army, 1991; Clark dan Clark, 1994).

### **1.7.5 Espirit decorps**

Merujuk kepada semangat berpasukan, perasaan gembira berada dalam kumpulan, kesanggupan membantu ahli kumpulan, dan berkorban untuk ahli kumpulan dan organisasi. Espirit decorps merupakan semangat untuk menjaga kepentingan ahli kumpulan, membantu ahli-ahli dalam kumpulan untuk mencapai objektif atau misi atas dasar kesepakatan, sanggup berkorban untuk kepentingan kumpulan atau organisasi (McAuley, Mihalko, dan Bane, 1997; Maurice, 1999; Palmer, 1995). Latihan fizikal secara lasak dan berkumpulan akan mewujudkan semangat kerjasama atau esprit decorps apabila peserta dilatih untuk membuat keputusan dalam kumpulan (Sanstroem dan Potts, 1996). Keputusan yang dibuat akan menentukan kemajuan dalam kumpulan (Smith, 2000). Priest, (2003), Bronson, Gibbson, Kicher, dan Priest, (1992) menyatakan esprit decorps akan meningkat jika ahli-ahli dalam kumpulan dapat meningkatkan interaksi dan komunikasi yang berkesan, kesanggupan berkongsi peranan, tugas dan tanggungjawab serta kesanggupan menyelesaikan masalah secara bersama.

## **1.8 Rumusan Bab**

Secara keseluruhan bab ini memperjelaskan tentang latar belakang kepada permasalahan kajian iaitu kepentingan PLKN kepada golongan remaja di Malaysia. Persoalan kajian, objektif dan kepentingan kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Seterusnya, justifikasi kepada kajian diberikan.

## **BAB II**

### **PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA**

#### **Pendahuluan**

Perbincangan dalam bab ini ditumpukan kepada sejarah, latar belakang dan intisari Program Khidmat Negara. Pertama, latar belakang Program Khidmat Negara. Kedua, rasional Program Khidmat Negara sebagai keperluan mendesak untuk melanjutkan pendidikan formal kepada golongan remaja yang berumur 18 tahun (lahir 1986 menjalani Program Latihan Khidmat Negara Pertama 2004). Ketiga, keunikan Program Khidmat Negara acuan Malaysia. Program Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia memperlihatkan kelainannya dengan konsep “National Service” yang dijalankan oleh negara-negara lain. Keempat, objektif pelaksanaan Program Khidmat Negara. Melalui kupasan mengenai Program Khidmat Negara ini, ibubapa atau yang berminat akan dapat merasakan bahawa usaha kerajaan ini adalah untuk melakukan aktiviti pencelahan bagi memperbaiki perjalanan kehidupan remaja di negara ini.

#### **2.1 Latar Belakang Program Khidmat Negara (PLKN)**

Program Khidmat Negara (PLKN) diperkenalkan oleh kerajaan pada 16 Februari 2004. Tarikh itu bolehlah dianggap sebagai tarikh yang bersejarah dan amat bererti bagi pengukuhan golongan remaja Malaysia. Pengenalan Program Khidmat Negara, adalah sebagai permulaan satu agenda nasional untuk melatih remaja Malaysia supaya mereka menjadi generasi pewaris yang lebih cemerlang dari generasi hari ini. Program Khidmat

Negara ditunjangi oleh Rukun Negara iaitu satu pernyataan falsafah mengenai prinsip-prinsip hidup yang diyakini dan diamalkan oleh rakyat Malaysia. Dari segi Program Khidmat Negara ini pula pernyataan falsafahnya adalah:

*Malaysia adalah sebuah negara yang indah, bebas dan kaya dengan kepelbagaian masyarakat dan budaya. Rakyat Malaysia mencintai negaranya, sedia menyumbang dan turut serta secara aktif menghadapi perubahan dan cabaran persekitaran dan dunia.*

Falsafah di atas menjelaskan bahawa warganegara Malaysia sewajarnya berbangga dengan negara ini. Allah SWT telah mengurniakan negara ini dengan keindahan muka bumi, kesuburan, kebebasan dari belenggu penjajahan dan rakyat berbilang kaum yang hidup aman dan damai. Manifestasi kepada rasa cinta mestilah diperlihatkan dengan perlakuan dan amalan semangat patriotik, kecintaan pada perpaduan dan kedamaian antara kaum, keprihatinan sosial dan kesukarelaan.

Semangat yang ingin ditumbuhkan oleh Program Khidmat Negara adalah untuk meningkatkan kecerdasan, menambah ilmu kenegaraan dan memantapkan ketaatan kepada negara. Program Khidmat Negara ini juga mahu melahirkan remaja yang lebih berdisiplin, berfikiran positif dan berdaya saing serta mampu menolak nilai negatif dalam masyarakat. Tegasnya, melalui Program Khidmat Negara, golongan remaja dilatih untuk menjadi rakyat yang bukan sahaja bermanfaat untuk perkembangan diri sebagai individu, tetapi dalam masa yang sama berguna untuk masyarakat dan negara.

Idea tentang keperluan Program Khidmat Negara ini dicetuskan oleh Kongres Patriotisme Negara Pertama yang bertemakan “Patriotisme Teras Ketahanan Nasional”. Kongres Patriotisme Negara Pertama dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia, bersama Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri, mulai 24 hingga 26 Oktober 2002, bertempat di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET), Bangi, Selangor.

Peserta yang menghadiri Kongres tersebut terdiri dari pegawai kanan kerajaan, eksekutif syarikat swasta, ahli-ahli akademik, pemimpin masyarakat, Ahli Parlimen dari parti pemerintah dan juga dari parti pembangkang. Ucaputama Kongres ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad. Selepas ucaputama, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berdialog dengan peserta Kongres dan semasa itu timbul soalan dan cadangan dari Tan Sri Lee Lam Thye yang mahukan “National Service” diperkenalkan oleh kerajaan. Tujuan “National Service” adalah untuk memupuk perpaduan kaum, memelihara ketahanan nasional, meningkatkan semangat patriotisme dan sebagai wahana untuk mewujudkan Etnik Malaysia yang benar-benar bersatu dan progresif.

Resolusi Kongres mencadangkan supaya kerajaan memulakan “National Service” yang kemudiannya dikenali sebagai Khidmat Negara. Jemaah Menteri atau Kabinet telah memutuskan supaya Kementerian Pertahanan menubuhkan satu jawatankuasa untuk merangka Program Latihan Khidmat Negara yang sifatnya tersendiri, iaitu mengikut acuan Malaysia. Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak telah dilantik oleh Kabinet

mengetuai sebuah pasukan kerja bagi merangka pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara. Beliau kemudiannya telah mengumumkan bahawa Kementerian Pertahanan telah merangka Akta Khidmat Negara yang kemudiannya diluluskan oleh Parlimen pada akhir tahun 2003. Akta Latihan Khidmat Negara 2003 ini juga dikenali sebagai Akta 628. Melalui akta ini, Latihan Khidmat Negara diwajibkan kepada belia yang berusia 18 tahun.

Dari segi sejarah, Khidmat Negara ini bukanlah perkara baru di negara ini. Kali pertama Khidmat Negara diperkenalkan dalam tahun 1952 bagi mengerah tenaga pemuda di Tanah Melayu dalam memerangi pegganas komunis. Ketika itu, ramai anak muda yang dikerah untuk menjalani latihan dan perkhidmatan ketenteraan demi mempertahankan tanahair tercinta ini (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Utusan Malaysia 16 Februari, 2004). Kali kedua Khidmat Negara diperkenalkan ialah semasa Konfrontasi Malaysia dengan Indonesia (1963 – 1966). Ketika itu, kerajaan telah menguatkuasakan Akta National Service 1952. Akta ini adalah berbentuk kerahan tenaga remaja untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Justeru itu, dapat diperhatikan kedua-dua kali Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1950an dan 1960an, dilakukan kerana faktor pertahanan dan keselamatan negara. Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan pada 2004 ini adalah atas faktor ketahanan nasional atau "*national resilience*". Aspek ketahanan nasional ini lebih luas bidang cakupannya, ia meliputi politik, ekonomi, sosial, budaya, luar negara dan segala macam ideologi yang boleh melumpuhkan kedaulatan negara.

Di samping perkara-perkara yang dinyatakan di atas, ketahanan nasional juga mengambil berat mengenai generasi pewaris negara ini. Generasi pewaris ini adalah mereka yang masih berada di alam remaja. Mutakhir ini perlakuan remaja di negara ini amat mengusarkan hati setiap generasi dewasa dengan segala macam gejala sosial dan jenayah. Golongan remaja sudah semakin menebal sikap individualistik dan materialistik, sehingga menipisnya semangat patriotisme, kesukarelaan, disiplin dan kemasyarakatan (Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Utusan Malaysia 16 Februari, 2004). Atas desakan sosial untuk memperbaiki sahsiah dan keperibadian golongan remaja itulah Program Khidmat Negara acuan Malaysia amat diperlukan.

Hasil daripada perbincangan dan analisis mengenai situasi kehidupan golongan remaja itulah yang melahirkan konsep Program Latihan Khidmat Negara dan di dalamnya terkandung kenyataan berikut:

*Teras Program Khidmat Negara (PKN) adalah untuk membentuk sebuah masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada Negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Negara ini.*

Oleh kerana perbelanjaan Program Latihan Khidmat Negara ini besar, kerajaan telah memutuskan supaya tidak semua mereka yang lahir pada tahun 1986 itu dipilih. Daripada

jumlah kira-kira 480,000 orang yang lahir pada tahun 1986 hanya 85,000 yang dipilih secara rawak daripada pendaftaran kad pengenalan yang dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dipilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Hasrat kerajaan supaya peserta yang dipilih itu dapat menjadi contoh yang baik kepada mereka yang tidak berpeluang menyertainya.

Program Latihan Khidmat Negara adalah keperluan Malaysia dari masa sekarang sehinggalah hari-hari mendatang. Namun begitu, program ini bukanlah latihan ketenteraan sepertimana yang dilakukan di Singapura dan di beberapa buah negara lain. Khidmat Negara acuan Malaysia lebih menitikberatkan ketahanan diri, kerjasama kumpulan, pembangunan diri, kesedaran atau keinsafan kenegaraan, dan kepekaan sosial dan kesukarelaan. Bagi generasi muda yang telah menjalani Program Khidmat Negara mereka bakal menjadi rakyat Malaysia yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Pembentukan rakyat yang diharapkan akan dicapai oleh program tersebut adalah selaras dengan falsafah Rukun Negara yang diperkenalkan pada tahun 1970 dan diperkemas lagi oleh Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada tahun 1991. Kedua-dua garis panduan dasar negara (Rukun Negara dan Wawasan 2020) adalah falsafah yang mendasari halatuju pembangunan negara ini (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2003). Kedua-dua pernyataan dasar negara itu juga yang memandu corak pembangunan negara, baik pembangunan kuantitatif mahupun pembangunan kualitatif.



Kesedaran untuk berpdanu kepada kedua-dua dasar negara tersebut adalah kerana sifat berbilang kaum, agama dan budaya, namun dalam kepelbagaian itu, kita perlu mempunyai satu ikatan kesatuan, iaitu kecintaan pada ibu-pertiwi. Kecintaan pada ibu-peristiwa ini adalah prasyarat yang dapat merangsang pembangunan dan pemeliharaan maruah negara. Kecintaan pada ibu-pertiwa juga memungkinkan generasi muda berlumba-lumba untuk mencurahkan bakti pada masyarakat, kerana ukuran pencapaian adalah daripada pekerjaan yang dilakukan oleh setiap orang rakyat Malaysia.

## **2.2 Mengapa Malaysia Memerlukan Khidmat Negara?**

Jika diselidiki dari sudut sosiologi dan politik, Program Khidmat Negara diperlukan oleh Malaysia kerana tiga faktor utama. Secara ringkas faktor-faktor itu adalah – perubahan gagasan negara etnik; modenisasi yang dibawa oleh kepesatan pembangunan; dan perubahan budaya dari budaya agraria kepada urbanisasi.

Pertama, perubahan pemikiran mengenai gagasan negara-etnik dan konsep kenegaraan. Akibat dari ledakan globalisasi, generasi muda tidak begitu berminat dengan isu-isu kenegaraan. Merosotnya minat terhadap isu-isu kenegaraan adalah kerana keadaan negara yang stabil, mudahnya pergerakan dari sebuah negara ke negara yang lain dan peluang kehidupan yang seolah-olah terbuka luas untuk diterokai. Berbdaning dengan generasi terdahulu, yang terpaksa berjuang menentang penjajahan, demi untuk mendapat kedaulatan sebagai sebuah negara merdeka.

Golongan remaja mempercayai bahawa yang penting adalah pencapaian diri, baik melalui pendidikan atau melalui cara-cara lain (perniagaan dan sebagainya). Ledakan fahaman seumpama yang dinyatakan telah menyebabkan golongan remaja menyerlahkan kehendak individu dan sedikit sebanyak mengurangkan minat pada pencapaian kumpulan. Jelasnya, semakin tinggi penghayatan golongan remaja pada simbol-simbol globalisasi, semakin menipis pengangan pada ciri-ciri kepentingan bersama seperti nasionalisme, patriotisme, akar budaya tradisi etnik dan perkara-perkara yang bertunjangkan nilai-nilai kenegaraan.

Kedua, modenisasi yang dibawa oleh kepesatan pembangunan negara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, telah menjadikan generasi muda sebagai golongan yang lebih selesa dengan sikap pemusatan-kendiri atau "*self-centered*". Akibat modenisasi, generasi muda lebih selesa untuk menyemaikan cita-cita kepuasan kehidupan sebagai individu manusia, dari melakukan pengorbanan untuk masyarakat dan negara. Generasi muda berpegang teguh pada sikap individualistik, materialistik dan konsumeristik, kerana memperolehi ketiga-tiga akan dapat memenuhi kehendak rasa mereka.

Perkara-perkara yang diutamakan adalah desakan hedonistik, mementingkan rasa dan memenuhi tuntutan nafsu. Lagipun perkara yang mereka cita-citakan itu nampak, boleh dipegang dan boleh dinikmati. Berbeza dengan ideologi kenegaraan yang merupakan satu utopia dan sukar dirasai nikmatnya, kecuali bagi mereka yang benar-benar terpanggil untuk mempertahankan kedaulatannya. Jelasnya, semakin tinggi tahap modenisasi yang dicapai, semakin tinggi pula penghayatan individu rakyat pada ciri-ciri individualistik,

materialistik dan konsumerisme. Lantaran itu, negara dan kerajaan, perlu mencipta mekanisme untuk mengembalikan golongan remaja pada ciri-ciri yang boleh memperkukuhkan solidariti dan simbol-simbol kepentingan bersama. Program Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia adalah satu daripada mekanisme yang boleh memperkukuhkan solidariti di kalangan golongan remaja berbilang kaum di negara ini.

Ketiga, meluasnya pembangunan urbanisasi di Malaysia. Kesan daripada perancangan urbanisasi ini adalah hilangnya semangat berk komuniti dan timbul pula semangat menjaga kepentingan diri masing-masing di kalangan rakyat Malaysia amnya dan generasi muda khususnya. Urbanisasi adalah keperluan dan urbanisasi juga adalah pencetus pembangunan dan peningkatan kualiti kehidupan manusia. Namun begitu, sebagai sebuah negara yang mahu membina rakyat dan negaranya mengikut acuan sendiri, kerajaan merasakan Program Khidmat Negara adalah satu keperluan untuk dijadikan sebagai wahana perpaduan antara kaum dan dalam masa yang sama perpaduan dalam sesebuah kaum.

Melalui Program Khidmat Negara kehidupan individualistik yang menjadi ciri urbanisasi dapat dialihkan kepada semangat berk komuniti, kerana generasi muda yang mengikuti program ini sudah digilap keprihatinan untuk hidup bersama dan mencurahkan bakti pada masyarakat setempat melalui semangat kesukarelaan. Ini bermakna, semakin bertambah kepesatan urbanisasi, semakin menipis semangat berk komuniti. Justeru itu, golongan remaja yang bakal mendepani kehidupan yang demikian pada masa akan

datang, perlu diberikan pendidikan “hidup berkomuniti”, kerana melalui cara yang demikian mereka dapat mengawal banyak angkara-angkara negatif.

Perbincangan dalam bahagian ini telah memperlihatkan tiga alasan utama mengenai keperluan Program Khidmat Negara. Program Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah bagi menangani perubahan sosial yang berlaku dalam negara ini. Perubahan sosial yang tidak dapat dielakkan oleh negara ini adalah ledakan globalisasi, kepesatan pertumbuhan kawasan Bandar dan cara hidup urbanisasi, dan modenisasi iaitu merobah corak kehidupan dari tradisi ke moden. Hasil daripada perubahan-perubahan sosial itulah yang mewarnai perbezaan kehidupan antara generasi kini dengan generasi masa depan.

Globalisasi yang melanda setiap ketika, melalui berbagai aspek, perlu ditangkis jika ia boleh menggugat ciri-ciri utama ‘kenegaraan’ seperti nasionalisme, patriotisme dan nilai-nilai murni. Perubahan sosial dalam bentuk modenisasi juga telah membawa kepada sikap individualistik dan materialistik. Sikap ini bakal menipiskan rasa kebersamaan untuk menjaga kepentingan negara. Perubahan sosial juga berlaku melalui peluasan urbanisasi, yang boleh menggugat perpaduan dan semangat komuniti. Atas ketiga-tiga faktor yang dinyatakan itu, Program Khidmat Negara dapat mendidik golongan remaja untuk peka dan bersemangat untuk membina Etnik Malaysia mengikut acuan kita sendiri.

### 2.3 Keunikan Khidmat Negara Acuan Malaysia

Program Khidmat Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia, adalah berbeza dengan “National Service” yang terdapat di negara-negara lain. Program Khidmat Negara yang dirangka dan dibahaskan oleh pelbagai perorangan dan organisasi sebelum diperkenalkan telah melahirkan Program Khidmat Negara yang benar-benar berpusat kepada keperluan Malaysia. Keunikan Program Khidmat Negara ala-Malaysia adalah berasaskan kepada ciri-ciri berikut:

- Melibatkan semua kaum sama ada lelaki atau perempuan.
- Berteraskan Rukun Negara.
- Mempunyai kurikulum multi-disiplin.
- Bukan berbentuk kerahan tenaga atau *military conscripts*.
- Mempunyai imej tersendiri dari segi pakaian seragam, logo dan lagu.

Brig. Jen. Prof. Dato’ Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) dan beliau juga adalah Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia, menegaskan bahawa Program Khidmat Negara acuan Malaysia adalah berbeza daripada amalan negara-negara yang memperkenalkan “National Service”. Beliau menegaskan:

*Kita telah mengubahsuai dengan keperluan remaja masa kini. Kita menyediakan empat modul. Pertama, modul fizikal. Selama tiga puluh hari, para peserta akan menjalani latihan yang tidak sampai sepuluh %*

*mengikut latihan ketenteraan sebaliknya adventure. Ada kawad tetapi tidak menggunakan senjata. Mereka berlatih dengan kerah hutan, tinggal di hutan dan mempelajari bagaimana mahu survival di dalam hutan (Hassan Mohd. Noor dan Ramli Abdul Karim, 15 Februari, 2004: 9).*

Setelah menjalani latihan sebulan di dalam hutan itu, para remaja yang menjalani latihan Khidmat Negara akan di tempatkan di Institusi Pengajian Tinggi. Mereka akan berada di kampus selama dua bulan untuk menjalani latihan bina negara, bina karakter dan khidmat komuniti. Dato' Ahmad Fawzi menegaskan:

*Modul yang kedua ialah pembinaan karakter yang lebih kepada menerapkan nilai-nilai positif. Selepas itu modul kenegaraan yang lebih kepada perkara-perkara mengenai negara berhubung soal tanah, rakyat, kerajaan dan kedaulatan. Modul terakhir ialah khidmat komuniti. Mereka akan menjalankan khidmat komuniti yang turut dibahagikan kepada sub-modul termasuk kejuranan, khidmat sokongan, kemudahan awam dan alam sekitar (Hassan Mohd. Noor dan Ramli Abdul Karim, 15 Februari, 2004: 9).*

Secara keseluruhan latihan Khidmat Negara berjalan selama tiga bulan. Walaupun cadangan asalnya ialah selama enam bulan. Ini adalah disebabkan oleh situasi remaja di Malaysia yang terpaksa pula untuk menyambung pelajaran atau mencari kerja selepas itu.

Setiap latihan yang dijalani oleh para peserta Khidmat Negara akan memberikan pengajaran dan pembentukan yang tertentu kepada pandangan dunia mereka. Pandangan dunia yang terbentuk itu bakal memberikan manfaat kepada agama, etnik dan negara.

#### **2.4 Objektif Program Latihan Khidmat Negara**

Program Khidmat Negara yang dijalani oleh para remaja Malaysia adalah untuk memperkasakan patriotisme. Para remaja perlu diberikan suntikan berhubung dengan nilai patriotisme, nilai perpaduan, nilai kesukarelaan dan mempertajamkan keprihatinan. Kesemua yang dinyatakan itu, adalah petdana yang perlu dipancarkan dalam jiwa remaja, jika tidak mereka akan terjerumus kepada sikap individualistik dan materialistik. Tegas Dato' Ahmad Fawzi:

*Orang tidak mahu bercakap soal orang lain, mereka hanya tahu diri sendiri malah negara pun tidak penting. Kita mahu menyemai kembali semangat patriotisme di kalangan peserta. Objektif kedua untuk perpaduan kaum. Jadi menerusi program ini, peserta pelbagai kaum akan duduk di satu kem bersama-sama (Hassan Mohd. Noor dan Ramli Abdul Karim, 15 Februari, 2004: 9).*

Melalui Khidmat Negara ini kerajaan berharap untuk dapat menekankan tentang perpaduan kaum dan integrasi nasional. Perpaduan kaum adalah kerana lanskap sosial Malaysia yang terbentuk dari berbilang kaum, persefahaman antara kaum perlu untuk meluncurkan negara ini ke arah kemajuan. Integrasi nasional pula adalah kerana Malaysia